

Malaysia dan Brunei kekal sahabat' karib

U.N. - 4 AUG 1993

BANDAR SERI BEGAWAN 3 Ogos — Malaysia dan Brunei Darussalam akan kekal sebagai sahabat karib sekalipun menghadapi masalah persempadanan di Limbang, tegas Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini. *oversa trip.*

Katanya, masalah sempadan darat dan laut turut dibincangkan dalam pertemuan beliau dengan Sultan Hassanal Bolkiah dan di peringkat pegawai semasa lawatan rasminya selama tiga hari ke Brunei.

Menurutnya, Malaysia dan Brunei bersetuju untuk mengatasi masalah persempadanan di Limbang secara perundingan sekalipun memakan masa yang panjang.

Kedua-dua pihak sepakat mengenai adanya pertindihan sempadan di Limbang kerana kerja persempadanan telah dibuat di zaman British.

Hasil lawatan Dr. Mahathir ke Brunei kali ini, satu persetujuan bagi membentuk sebuah Jawatankuasa Am Sempadan telah dicapai.

Kata Dr. Mahathir, lawatan ke Brunei amat berjaya dan beliau yakin hubungan yang sedia kukuh akan lebih erat.

Menurutnya, perbincangan di antara kedua-dua pihak termasuk pertemuan 'empat mata' dengan Sultan Hassanal Bolkiah meliputi segala aspek hubungan dua hala dan soal-soal antarabangsa khususnya perkembangan di Bosnia-Herzegovina dan Pe-

rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Dari segi ketenteraan, Malaysia dan Brunei yang akan membeli jet pejuang Hawk yang sama dari Britain telah bersetuju untuk mengkaji kemungkinan bermuafakat dalam latihan dan berkongsi pusat penyelenggaraan.

Di bidang perdagangan, Malaysia dan Brunei juga mengakui tentang adanya beberapa halangan kecil yang masih menyekat peningkatan dagangan antara kedua-dua negara.

Kata Dr. Mahathir, Malaysia telah bertanya mengenai hubungan perkapalan antara kedua-dua negara.

"Kita tidak faham kenapa ada kapal belayar dari Singapura (ke Brunei), tetapi dari Pasir Gudang (Johor) tiada.

"Masalah yang ditimbulkan ialah kapal yang membawa barangan ke Brunei akan kosong apabila pulang. Tetapi masalah yang sama juga sepatutnya dihadapi dengan Singapura dan Singapura tiada apa yang hendak dibeli dari Brunei," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar di Istana Darul Taqwa yang dihadiri oleh wartawan Malaysia dan Brunei.

Dari s&i pendidikan, Malaysia bersetuju untuk memberi lebih banyak peluang kepada pelajar-pelajar Brunei melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tingginya, khususnya dalam pengajian selepas ijazah dan agama. — Utusan.